



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

**KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA**

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	<p><b>JPBD(IP)S185/ 646/1-196</b></p> <p>Kajian Pelan Induk Pembangunan Endau, Mersing, Johor</p>	<p><b>330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)</b></p>	<p><b>29 Jun 2026 (Isnin)</b></p> <p><b>Jam 12.00 tengah hari</b></p>	<p><b>1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF)</b></p> <p><b>2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)</b></p> <p><b>3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)</b></p> <p><b>4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) masih sah laku. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah <u>sekurang-kurangnya tiga (3) bulan</u> daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 3 Perolehan Perkhidmatan Perunding (PK 3.3 Perkara 2.1.1)</b></p> <p><b>5. Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i> – TCC) berstatus ‘Patuh’ dan masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tender diiklankan/surat dipelawa sebagaimana Garis Panduan Operasi Bil. 1/2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi Pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai atau <i>Tax Compliance Certificate</i> ke atas Perolehan Kerajaan.</b></p>
2.	<p><b>JPBD(IP)S185/ 646/1-197</b></p> <p>Kajian Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Jelapang Padi Negeri Kedah</p>		<p><b>Aras 12, Blok F5, Kompleks F, Presint 1, 62675 Putrajaya</b></p>	

2. Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan.
3. Kaedah pembayaran bagi pembelian dokumen pelawaan tender adalah secara dalam talian (*online*) melalui **Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment)** di pautan [ipayment.anm.gov.my](http://ipayment.anm.gov.my) bermula **3 Jun 2026 sehingga 19 Jun 2026** dengan harga jualan **RM60.00** bagi setiap satu (1) dokumen. Pembelian secara dalam talian ini hanya boleh dibuat atas **nama individu yang diberi kuasa sebagaimana yang terdapat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding, MOF**. Kaedah pembayaran yang ditawarkan melalui iPayment tersebut adalah **Perbankan Internet (*DuitNow Online Banking*)**.
4. Sebarang pembayaran selain kaedah di para 3 adalah tidak sah dan tidak akan dipertimbangkan. **Bayaran yang telah dibuat juga tidak akan dikembalikan.**
5. Resit pembelian perlu **dimuat turun dan dicetak** untuk dibawa semasa pengambilan dokumen pelawaan tender secara fizikal di **kaunter Seksyen Kewangan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Aras 12, Blok F5, Kompleks F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62675 Putrajaya** mulai pada **5 Jun 2026 sehingga 19 Jun 2026**.
6. Dokumen pelawaan tender hanya layak diberikan kepada petender yang telah menghadiri Taklimat Tender pada 5 Jun 2026.
7. Waktu urusan pengambilan dokumen pelawaan tender adalah seperti berikut:

Hari	Masa
Isnin hingga Khamis	9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari 2.00 petang hingga 4.30 petang
Jumaat	9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Sabtu/Ahad/Cuti Am/Cuti Umum	TUTUP

\* Tiada urusan dilaksanakan selepas waktu operasi di atas.

8. Petender hendaklah menghantar Cadangan Tender secara **SERAHAN TANGAN** kepada **Urus Setia Tender** di alamat berikut:

**Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Aras 12, Blok F5, Kompleks F, Presint 1, 62675 Putrajaya**

9. Taklimat Tender adalah **DIWAJIBKAN** kepada petender dan hanya **PENAMA** yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding MOF** yang dibenarkan menghadiri taklimat tender tersebut. Petender yang **hadir lewat** dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh** : 5 Jun 2026 (Jumaat)  
**Masa** : 9.30 pagi  
**Tempat** : Bilik Latihan Kemboja,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
(PLANMalaysia)  
Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62675 Putrajaya

10. Firma perunding dikehendaki untuk mengemukakan **Pengesahan Kehadiran** melalui Google Form seperti di link ini <https://forms.gle/5eu1MzcMDt6KwyzF8> atau imbas **kod QR** tertera.



Pengesahan Kehadiran Taklimat Tender  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
(PLANMalaysia) Bil.3/2026